

## **Hentikan penyebaran khabar angin – TPM**

**Utusan Online**

**21 Disember, 2012**

**Oleh JAMLIAH ABDULLAH dan MOHD. SHARIZA ABDULLAH**

KUBANG PASU 20 Dis. - Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu penyebaran khabar angin kononnya berlaku rusuhan kaum di Sungai Petani tiga hari lalu dihentikan kerana ia mengancam keselamatan negara.

Timbalan Perdana Menteri yang turut melahirkan rasa kesal dengan insiden itu berkata, penyebaran maklumat tidak sahih di laman sosial dan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) berhubung kejadian pergaduhan di situ boleh mengundang keresahan rakyat.

"Apabila satu insiden itu berlaku diterjemahkan seolah-olah ada pertembungan kaum yang mengakibatkan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan kenyataan menafikannya.

"Ini adalah perbuatan yang berbahaya dan sangat tidak bertanggungjawab. Kita tidak boleh membiarkan ia berlaku, " katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan penjawat awam di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Muhyiddin mengulas tentang khabar angin mengenai rusuhan kaum dalam laman-laman sosial sehingga menimbulkan keresahan awam baru-baru ini dan semalam pihak polis turut menafikan berita palsu itu.

Mengulas lanjut Muhyiddin berkata, polis telah mengambil tindakan yang perlu untuk menghentikan penyebaran khabar angin itu sekali gus berjaya meredakan keadaan.

"Kita tidak boleh membiarkan hal sebegini (penyebaran khabar angin) berlaku. Rakyat akan rasa terancam dan takut.

"Kalau esok di satu tempat lain ada orang masuk dalam parit dia kata ada orang kena pukul dan nak menyemarakkan sifat perkauman, kesannya adalah amat buruk dan padah pada negara," katanya.

Sementara itu ketika berucap di majlis tersebut, Muhyiddin berkata, kerajaan memerlukan kerjasama yang lebih rapat antara penjawat awam dan pemimpin dalam melaksanakan usaha memajukan negara ini.

"Cabaran untuk menjadi negara maju besar jadi kita mahukan komitmen yang lebih jitu, kerjasama yang lebih rapat supaya dapat tumpuan sepenuh masa laksana usaha kita dan yang penting hasilnya dapat memanfaatkan rakyat," katanya.

Beliau menambah, Malaysia kini berada dalam landasan ekonomi yang kukuh ketika banyak negara termasuk negara maju sedang berhadapan dengan kemelut ekonomi.

"Kita mengiktiraf sumbangan penjawat awam namun cabaran semakin hebat terutama dalam ekonomi jadi kita harus mempersiapkan diri lebih baik termasuk perkhidmatan awam," katanya lagi.

Majlis turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharum; Pengerusi

Barisan Nasional (BN) Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah dan Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20121221/dn\\_01/Hentikan-penyebaran-khabar-angin---TPM](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121221/dn_01/Hentikan-penyebaran-khabar-angin---TPM)